

# CINTAI Sungai Kita



Dalam memikul tanggungjawab membersih dan menyelenggarakan sungai dan parit-parit induk sahaja, DBKL membelanjakan hampir RM20 juta tahun 1997. Daripada jumlah ini kerja-kerja 'mopping' sepanjang sungai-sungai dan mengutip sampah sarap daripada 15 buah perangkap sampah yang ditempatkan di sungai-sungai utama sebanyak RM3.1 juta. Kerja-kerja penyenggaraan dan memperbaik-pulih tebing sungai sebanyak RM3.5 juta sementara kerja-kerja pengorekan kelodak (desilting) sungai dan kolam takungan banjir berjumlah RM6.1 juta. Kerja-kerja yang melibatkan penyenggaraan parit dan longkang-longkang besar di sekitar Wilayah Persekutuan sebanyak RM6 juta.

Di Majlis Pelancaran Kempen Cintai Sungai, Parit dan Longkang Kita, baru baru ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff memberitahu, setiap hari DBKL mengeluarkan purata 20 tan sampah sarap dari stesen-stesen perangkap sampah semasa keadaan cuaca baik.

Angka ini boleh meningkat hingga 40 tan sehari selepas hujan lebat. Bagi kerja-kerja pembersihan ke lodak sungai dan saliran, DBKL mengorek lebih kurang satu juta meter padu kelodak dalam tahun 1997 (*equivalent to 160,000 lorry load*).

"Sebahagian besar pengelodakan disebabkan oleh pembangunan kerja-kerja tanah yang tidak terkawal oleh pemaju-pemaju dan kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab. Segelintir pemaju tidak menghiraukan pengawalan hakisan dalam menjalankan kerja-kerja tanah. Cerun-cerun akibat pemotongan tanah dibiarakan terdedah kepada hakisan, sementara perangkap-perangkap kelodak tidak disediakan. Kalau pun ada, ia tidak diselenggara dengan sebaiknya; seperti melepaskan batuk di tangga sahaja," ujar Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Beliau berkata, sebahagian besar sampah sarap dikenal pasti berpunca

dari pada setinggan yang mendiami sepanjang sungai-sungai utama. Dalam tempoh 1993 hingga 1997, DBKL berjaya memindahkan 664 keluarga setinggan yang menduduki di sepanjang rizab sungai. Kini masih terdapat lebih kurang 500 setinggan yang masih belum dipindahkan. Setinggan yang masih mendiami di tebing-tebing sungai hendaklah membuang sampah sarap ke dalam kebuk-kebuk yang disediakan oleh DBKL dan tidak membuang sewenang-wenangnya di merata tempat termasuk di cerun-cerun sungai.

Menurut Datuk Bandar, penjaja-penjaja juga dikenal pasti sebagai punca masalah sampah sarap dan kekotoran sisa makanan dalam longkang. Keadaan ini menimbulkan persekitaran yang tidak menyenangkan. Kawasan Pasar Chow Kit umpsama didapati mempunyai tahap kekotoran yang tinggi akibat aktiviti penjajaan. Bulu-bulu ayam dibuang ke dalam longkang dengan sewenang-wenang yang akhirnya dapat di lihat

**lihat muka 48**



## KANDUNGAN

Perkhidmatan Kaunter Lebih Efisien	4
Bengkel MS ISO 9000	5
Tidak Abaikan Budaya	6
Vandalisme: Cabaran Persatuan Penduduk	8
Cat Bangunan sempena Sukom '98	10
Dato' Mokhtar & T.M.Jeyarajan Bersara	12
Langkah Jimat Hadapi Kegawatan Ekonomi	14
Tindakan Tegas ke atas Warga Flet	15
Laman Web Tingkatan Kualiti	17
Program Pra Sains Bantu Pelajar	18
Diseru Tingkat Kecemerlangan	20
Peranan Perpustakaan Berubah	23
Altindag Perlukan Kerjasama Kuala Lumpur	24-25
Tingkat Aktiviti Atasi Gejala Sosial	26
DBKL di Sri Petaling	29
Banjir Kilat Akibat Tidak Prihatin	32
Pameran Lukisan Antarabangsa Afrika Selatan	34
Urban Modernization and Traditional Culture of the City of Kuala Lumpur	36
Lukisan Dinding Sambut Sukom	41
Konvensyen KMK	42
Periuk Kera Hiasi Kuala Lumpur	46

## EDITORIAL

Penasihat  
Sanusi bin Samid

Editor  
Sarifuddin Ibrahim

Sub Editor  
Wan Abdullah Wan Abd Ghani

Jurufoto  
Mubarok Mohd Atan  
Abdul Rani Mohd Sohor  
Md Ismail Isnin  
Nik Rozali Nik Othman

Edaran  
Ramlan Salleh

### SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan anda boleh disampaikan kepada:

**Editor**  
Suara Bandaraya,  
Bahagian Hal Ehwal Awam,  
Jabatan Pengurusan Organisasi,  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,  
Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur  
atau berhubung dengan  
En. Wan Abdullah Wan Abd Ghani  
Tel: 2916011 samb. 3855  
Fax: 2980460

### PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

### NO TELEFON DBKL

Ibu Pejabat Bangunan DBKL	2916011
Hot Line (24 jam)	4231127
Unit Kecemasan 24 jam	
(JPBandar)	9843434
Skuad Penyelamat 24 jam	
(DPenguatkuasa)	4220033
Aduan Awam	2934531
	2993852
Aduan Bersemuka	2993919
Aduan JKA	2915128
Aduan JPPerumahan	2912112
	2986177
JPlesehan	2986177
JP Penjaja	2621988
DPenguatkuasaan	4231133
JPengangkutan Bandar	2910555
JP Perumahan	2938166
Bhg Keb & Sukan	2933344
B Ukur Bahan	4417011
Pej. Caw. Cheras	9711889
Pej. Caw. Damansara	7182277
Pej. Caw. Jln. Klang Lama	7826117
Pej. Caw. Kepong	6272900
Pej. Caw. Setapak	4211142

# KUALA LUMPUR '98

**S**ebagai rakyat yang mencintai negara sokongan penuh secara beramai-ramai adalah perlu untuk menjayakan dan menyaksikan Sukan Kuala Lumpur '98. Ini adalah peluang keemasan yang terdapat sekali dalam seumur hidup, sukan ini diadakan dalam negara.

Terdapat banyak program yang sedang diatur dan diharapkan warga Malaysia akan keluar beramai-ramai mengambil bahagian atau melibatkan diri secara langsung dalam apa juga program yang diatur oleh pengajar sebagai sumbangan rakyat bagi menjayakan sukan kedua terbesar di dunia ini.

Kejayaan negara menganjurkan sukan yang berprestij ini banyak bergantung kepada kerjasama dan sokongan semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak. Mari kita bersama-sama berganding bahu dengan memainkan peranan masing-masing dalam usaha menjadikan temasya Sukan Kuala Lumpur '98 benar-benar gemilang. Rakyat Malaysia seharusnya berasa gembira kerana Kuala Lumpur terpilih untuk menganjurkan Sukan Commonwealth kali ke 16. Seharusnya berasa bangga kerana Bandar raya Kuala Lumpur akan dibanjiri oleh kira-kira 6,000 atlet bertaraf dunia dan pelancong-pelancong dari luar negara semasa berlangsung temasya sukan itu.

Justeru itu, diharapkan agar kita bersedia untuk menyambut kedatangan tetamu nanti dengan memastikan Kuala Lumpur sentiasa kemas, bersih dan indah setiap masa. Semangat 'Malaysia Boleh' hendaklah dibuktikan bukan sahaja oleh peserta sukan yang mengambil bahagian, tetapi juga oleh rakyat Malaysia yang mahu menjayakan Sukan Kuala Lumpur '98. Pemilik-pemilik bangunan terutamanya di bandar raya Kuala Lumpur perlu memperindah dan mencantikkan bangunan masing-masing. Pemaju-pemaju dan kontraktor-kontraktor pembinaan perlu memastikan kawasan pembinaan mereka sentiasa bersih dan selamat serta tidak merosakkan jalan-jalan atau kemudahan-kemudahan awam dan kawasan persekitaran tempat kerja mereka.

Orang ramai perlu mengubah sikap dengan tidak membuang sampah merata-rata tempat dan sentiasa berusaha menjaga kebersihan dan keindahan bandar raya. Mereka perlu mengamalkan sikap berbudi bahasa dan ramah tamah kepada tetamu-tetamu yang hadir. Kerjasama ini penting jika kita benar-benar mahu menjayakan temasya Sukan Kuala Lumpur '98 dengan penuh gemilang. Peranan media massa amat penting bagi mengingatkan orang ramai terutamanya tentang tanggungjawab mereka dalam menjaga kebersihan dan kecantikan Kuala Lumpur di samping menggalakkan orang ramai, bersikap peramah dan berbudi bahasa.

Sukan Kuala Lumpur '98 pasti akan berjaya. Segenap lapisan rakyat bersedia untuk berganding bahu bagi mengharumkan nama Malaysia di mata dunia melalui temasya ini.